

Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُو رَسِيَّتِي بَاتِي كُنُو لُو كِي مَبَارَا



5.0 *Anugerah Kualiti Naib Canselor*

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) ialah anugerah tahunan yang diberikan kepada PTJ yang telah menunjukkan prestasi cemerlang di dalam pengurusan kualiti. Aktiviti AKNC akan bermula sejak awal tahun lagi supaya maklumat dapat diberikan kepada warga UiTM sebelum tiba ke acara kemuncak iaitu penganugerahan piala dan hadiah kepada pemenang di akhir tahun.

Sesi pemakluman awal dan bengkel penulisan laporan AKNC telah diadakan pada 1 April 2014 di Dewan Bestari, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam. Semua PTJ yang terdiri dari kampus negeri, fakulti dan bahagian telah dijemput untuk menghadiri sesi ini yang bertujuan untuk memberi makluman awal mengenai AKNC dan pelaksanaan penilaian serta syarat-syarat pertandingan. Selain itu, peserta juga diberi taklimat mengenai cara menulis laporan AKNC di mana format laporan dan kriteria AKNC telah diberikan.

Aktiviti kedua AKNC ialah Latihan untuk Penilai AKNC yang telah diadakan di Dewan Bestari, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam pada 23 dan 24 Jun 2014. Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para penilai AKNC mengenai cara penilaian dibuat. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada wakil jabatan, fakulti dan kampus negeri telah menghadiri sesi latihan tersebut. Para penilai bagi tahun 2013 juga telah dijemput hadir untuk berkongsi pengalaman dan memberi input tentang cara penilaian dibuat. Bermula tahun 2014 juga, peraturan AKNC yang baru menetapkan bahawa pusat tanggungjawab (PTJ) yang tidak memenuhi syarat tidak akan tercalon dalam senarai-pendek finalis.

Semua PTJ yang menyertai AKNC dikehendaki menghantar Laporan AKNC 2013 masing-masing pada 14 Julai 2014. Untuk mendapatkan maklumbalas mengenai AKNC secara umum, satu kajian/soal selidik AKNC secara atas talian (e-IQ) juga telah dilancarkan bermula 17 Mac 2014 dan tarikh akhir pengisian kajian ini ialah pada 31 Disember 2014. Setiap PTJ perlu memastikan sekurang-kurangnya 40 orang staf dan 40 orang pelajar (Fakulti/Kampus Negeri sahaja) telah memberi respon kepada kajian/soal selidik tersebut.

Aktiviti AKNC akan dijalankan mengikut jadual seperti berikut:

Jadual 3 : Kalendar Aktiviti AKNC 2014

Aktiviti	Tarikh	Pegawai Terlibat
Pemakluman awal dan bengkel penulisan laporan AKNC	1 April	KUPQ, JK AKNC
Latihan Penilaian AKNC (Penilai baru & lama)	23 dan 24 Jun	KUPQ, JK AKNC
Penyerahan Laporan AKNC 2013	14 Julai	Penilai
Sesi Penilaian Laporan	24 – 27 Ogos	Penilai
Pengurusan Markah	1 – 5 Sep	InQKA
Finalis diumumkan	14 Okt	InQKA
Pembentangan Akhir oleh Finalis	6 Nov	KUPQ & Pengurusan
Audit Keputusan Akhir	17 Nov	InQKA
Pengumuman pemenang di Hari Inovasi 2014	5 Dis	InQKA
Maklumbalas kepada PTJ	Dis 2014 hingga Mac 2015	InQKA

5.1 *Nilai Hadiah AKNC*

Nilai hadiah anugerah ini ialah seperti jadual di bawah:

BIL	KATEGORI PEMENANG	NILAI (RM)
1	KRITERIA	2,000.00
2	JUARA KAMPUS NEGERI / FAKULTI / BAHAGIAN	5,000.00
3	JUARA KESELURUHAN	20,000.00



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)
Universiti Teknologi MARA
Aras 2, Blok 11,
INTEKMA Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor